

**KECENDERUNGAN PELAJAR PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI
(ADTEC) BATU PAHAT MEMILIH LATIHAN VOKASIONAL**

HJ MEOR MOHD NAZIR BIN MOHD ALWI

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Batu Pahat, Johor

JUN 2014

ABSTRAK

Masalah kekurangan bilangan pelajar yang mengikuti latihan vokasional menjadi fenomena di ADTEC Batu Pahat. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji sebab bilangan pelajar yang memilih untuk menjalani latihan vokasional di ADTEC Batu Pahat tidak mencapai sasaran perancangan setiap sesi pengambilan. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti sumber maklumat latihan vokasional yang dirujuk, faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat untuk menceburi bidang vokasional dan persepsi pelajar setelah menjalani latihan vokasional di ADTEC Batu Pahat. Kajian dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik Likert berskala lima mata. Daripada 208 borang soal selidik yang diedarkan, sebanyak 194 borang bersamaan dengan sembilan puluh tiga persepuluh dua puluh peratus borang dikembalikan dan diproses. Responden terdiri daripada para pelajar semester 4 dan semester 5 Jabatan Komputer dan Jabatan Mekanikal dan Pengeluaran ADTEC Batu Pahat. Perisian *SPSS* versi 20.0 telah digunakan bagi menganalisa data kajian secara frekuensi, min dan peratus. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa laman web merupakan sumber maklumat utama pelajar untuk mencari maklumat berkaitan latihan vokasional, manakala faktor utama yang mempengaruhi pelajar untuk menceburi bidang vokasional adalah peluang kerjaya. Analisa data juga mendapati responden mempunyai persepsi positif terhadap ADTEC Batu Pahat serta turut bersetuju untuk mencadangkan pusat latihan ini sebagai pilihan untuk latihan vokasional bagi kemasukan baru. Justeru, penggunaan laman web di samping memperhebatkan promosi dan kempen pemasaran dengan mempelbagaikan kaedah amat penting bagi menarik bakal pelajar baru.

ABSTRACT

The insufficient number of students pursuing vocational training is a phenomenon at ADTEC Batu Pahat. The purpose of this study was to investigate the factor that contributed to the occurrence of which number of students opting for vocational training in ADTEC Batu Pahat ADTECs not in accordance with the admission planning for each session. The objective of this study is to identify the sources of information referred for vocational training, the factors influencing reasons of students to pursue their studies in vocational training, and their perception of ADTEC Batu Pahat upon enrolling into this institution. Quantitative research was done using 5-scale Likert questionnaires. 208 questionnaires were distributed and 194 were completed and returned, which makes ninety three point two seven percent processed responses. Respondent were students of Computer, Mechanical & Production Department in Semester 4 and 5. SPSS Version 20.0 was used to analyze research data using frequency, mean and percentages. Finding shows that the website is the main source of information on vocational training and students take vocational training due to career opportunities. Data from the analysis also shows that students have positive perception on ADTEC Batu Pahat and will consider to propose ADTEC Batu Pahat as the training center for vocational training option for new intakes. Therefore, utilization of website, empowerment of promotion and marketing campaign with various approach are pertinent to attract new intakes.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI ISTILAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Tujuan Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Persoalan Kajian	6
	1.7 Kepentingan Kajian	7
	1.8 Kerangka Konsep	8
	1.9 Skop Kajian	8
	1.10 Batasan Kajian	9
	1.11 Definisi Operasional	10
	1.11.1 Kecenderungan	10
	1.11.2 Latihan Vokasional	11
	1.11.3 Pelajar	12

	1.11.4 Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC)	12
	Batu Pahat	
	1.11.5 Kerjaya	12
	1.12 Rumusan	13
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	14
2.2	Senario Latihan Vokasional di Serata Dunia	15
2.3	Peranan Pihak Kerajaan Dalam Pembangunan Latihan Vokasional	17
2.4	Vokasional dan Sumbangan Kepada Pembangunan Ekonomi	19
2.5	Peranan Latihan Vokasional Dalam Mengatasi Pengangguran	21
2.6	Latihan Vokasional dan Kesan Kepada Graduan	22
	2.6.1 Imej	23
	2.6.2 Pekerjaan	24
	2.6.3 Pendapatan	27
2.7	Multimedia	28
2.8	Pengambilan Pelajar	29
2.9	Rumusan	33
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pendahuluan	34
3.2	Rekabentuk Kajian	34
3.3	Kerangka Operasi	35
3.4	Lokasi	37
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	37
3.6	Kaedah Mengumpul Data	39
3.7	Instrumen Kajian	40
	3.7.1 Borang Soal Selidik	41
	3.7.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan	42
3.8	Kajian Rintis	42
3.9	Kaedah Analisis Data	43
3.10	Andaian Kajian	44
3.11	Rumusan	45

BAB 4	DAPATAN DAN ANALISIS DATA	
4.1	Pendahuluan	46
4.2	Demografi Responden	46
4.2.1	Taburan Kekekapan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	47
4.2.2	Taburan Kekekapan dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	47
4.2.3	Taburan Kekekapan dan Peratusan Responden Mengikut Perihal Ibubapa/ Penjaga	48
4.2.4	Taburan Kekekapan dan Peratusan Responden Mengikut Jabatan dan Kursus	50
4.2.5	Taburan Kekekapan dan Peratusan Responden Mengikut Kelulusan Masuk	50
4.3	Analisis Skor Min	51
4.3.1	Analisis Skor Min Responden Terhadap Elemen Sumber Maklumat	51
4.3.2	Analisis Skor Min Responden Terhadap Elemen Pengaruh	53
4.3.3	Analisis Skor Min Responden Terhadap Elemen Persepsi Terhadap ADTEC Batu Pahat	56
4.4	Analisis Pandangan dan Sebab Memilih Latihan Vokasional	61
4.5	Rumusan	62
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	63
5.2	Perbincangan	63
5.2.1	Demografi Responden	64
5.2.2	Sumber Maklumat Latihan Vokasional	66
5.2.3	Faktor Pengaruh Pemilihan Latihan Vokasional	67
5.2.4	Pesepsi Pelajar Terhadap ADTEC Batu Pahat	68
5.2.5	Pandangan dan Sebab Memilih Latihan Vokasional	69
5.3	Kesimpulan	71
5.4	Cadangan	71

5.4.1	Cadangan Kepada Pihak ADTEC Batu Pahat	71
5.4.2	Cadangan Terhadap Kajian Lanjutan	73
	RUJUKAN	75
	LAMPIRAN A	84
	LAMPIRAN B	86
	LAMPIRAN C	88
	LAMPIRAN D	90
	LAMPIRAN E	101
	LAMPIRAN F	108
	LAMPIRAN G	112
	LAMPIRAN H	149

SENARAI JADUAL

1.1	Statistik pengambilan pelajar ADTEC Batu Pahat 2009-2013	5
2.1	Perancangan dan pencapaian pengambilan pelajar ADTEC Batu Pahat, 2009 – 2013	31
3.1	Jumlah sampel	38
3.2	Jadual Skala Likert	41
3.3	Interpretasi tahap julat min	44
4.1	Jantina responden	47
4.2	Bangsa responden	47
4.3	Pekerjaan bapa/ penjaga responden	48
4.4	Pendapatan bapa/ penjaga responden	48
4.5	Pekerjaan ibu responden	49
4.6	Pendapatan ibu responden	49
4.7	Jabatan / Kursus responden	50
4.8	Kelulusan masuk responden	50
4.9	Purata dan sisihan piawai bagi elemen sumber maklumat	52
4.10	Purata dan sisihan piawai bagi elemen keluarga	53
4.11	Purata dan sisihan piawai bagi elemen multimedia	54
4.12	Purata dan sisihan piawai bagi elemen pendidikan	54
4.13	Purata dan sisihan piawai bagi elemen kerjaya	55
4.14	Purata dan sisihan piawai bagi elemen persepsi kurikulum	56
4.15	Purata dan sisihan piawai bagi elemen persepsi kerjaya	57

4.16	Purata dan sisihan piawai bagi elemen persepsi terhadap pengajar	57
4.17	Purata dan sisihan piawai bagi elemen persepsi kemudahan prasarana	58
4.18	Purata dan sisihan piawai bagi elemen persepsi kemahiran insaniah	59
4.19	Purata dan sisihan piawai bagi elemen persepsi kemahiran kebolehtkerjaan	60
4.20	Pandangan responden terhadap kursus yang diambil	62
4.21	Mengapa responden mengikuti latihan vokasional	62

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep	8
2.1	SJER : Tumpuan syarikat pembuatan dalam SJER dan luar SJER (2005)	22
2.2	Jumlah pekerjaan di Negeri Johor dan SJER, 2005 – 2025	26
2.3	KDNK per kapita (PPP) SJER dan kawasan Johor. Selainnya. 2005 dan 2025 (pada harga malar 2005)	28
2.4	Carta alir pengambilan pelajar ILJTM	32
3.1	Rangka kerja kajian	36
3.2	Rumus pengiraan bagi kaedah pensampelan strata	38
4.1	Purata dan sisihan piawai bagi setiap elemen pengaruh memilih latihan vokasional	55
4.2	Purata dan sisihan piawai bagi setiap elemen persepsi responden terhadap ADTEC Batu Pahat	61

SENARAI ISTILAH

RMK	Rancangan Malaysia Ke
JTM	Jabatan Tenaga Manusia
IKM	Institut Kemahiran MARA
MARA	Majlis Amanah Rakyat
ILP	Institut Latihan Perindustrian
ILJTM	Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia
ADTEC	‘Advanced Technology Training Centre’ (Pusat Latihan Teknologi Tinggi)
JMTI	‘Japanese Malaysia Technical Institute’ (Institut Teknikal Jepun Malaysia)
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
MQA	Malaysia Qualification Agency’
ILO	‘International Labour Organisation’
PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
SLDN	Sistem Latihan Dual Nasional
MPSM	Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia
PTLV	Pendidikan Teknik dan Latihan Vokasional
NCER	‘North Corridor Economic Region’ (Wilayah Ekonomi Koridor Utara)
ECER	‘East Corridor Economic Region’ (Wilayah Ekonomi Koridor Timur)
SJER	‘South Johor Economic Region’ (Wilayah Ekonomi Johor Selatan)
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia

CDP	‘Comprehensive Development Plant (Pelan Pembangunan Komprehensif)
IPPTN	Institut Pendidikn dan Penyelidikan Negara
SPSS	‘Statistical Package for Social Science’

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Carta Gantt Projek Sarjana I	84
B	Carta Gantt Projek Sarjana II	86
C	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan	88
D	Borang Soal selidik	90
E	Pengesahan Soal Selidik	101
F	Kajian Rintis	108
G	Analisis Data	112
H	Salinan surat permohonan / Kebenaran membuat kajian	149

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Negara Malaysia sedang melangkah untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Selaras dengan aspirasi ini, kualiti modal insan negara telah dikenalpasti sebagai elemen paling kritikal untuk mencapai hasrat tersebut. Ianya telah dijadikan teras utama dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) yang merupakan rancangan pembangunan lima tahun pertama dalam fasa 15 tahun kedua untuk mencapai Wawasan 2020. Keperluan sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran tinggi amat diperlukan oleh Malaysia ke arah negara maju. Justeru itu, Negara perlu mengorak langkah lebih aktif dalam melahirkan sumber manusia mahir yang perlu menggiatkan penggunaan teknologi automasi dan mekanisasi bagi menyokong usaha kerajaan menjadikan ekonomi negara ini berlandaskan pengetahuan (k-Ekonomi). (Pelan Induk 2008).

Dengan beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan, Malaysia semakin menyedari hakikat kepentingan memiliki pekerja mahir dan separa mahir untuk menguasai teknologi dan produktiviti bagi meningkatkan daya saing dan terus menarik pelaburan langsung asing (Kanapathy, 1997; Malaysia, 2001a, 2001b; Tan & Gill, 2000). Langkah – langkah yang diambil oleh kerajaan seperti menambah pengambilan pelajar, menerusi institusi latihan awam, pembaikan dan penyelenggaraan institusi latihan sedia ada selari dengan pembangunan ekonomi berasaskan kemahiran tinggi berpengetahuan.

Dalam usaha membangunkan modal insan, yang berpengetahuan, kreatif dan inovatif, program latihan akan dibentuk untuk mengasah kemahiran baru selaras dengan keperluan industri masa depan ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dan maju. Bagi tujuan ini, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri Malaysia dalam pembentangan Bajet 2013 pada 28 Setember 2012 di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia telah mencadangkan, sejumlah 3.7 bilion ringgit Malaysia disediakan untuk melatih pelajar dalam bidang teknikal dan vokasional. Pada pembentangan bajet 2014 pada 25 Oktober 2013, sekali lagi peruntukan yang besar dicadangkan bagi latihan kemahiran dan kepakaran teknikal. Sebanyak RM178 juta diperuntukan secara khusus bagi menaiktaraf kemudahan latihan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi Jabatan Tenaga Manusia (JTM). Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) RM200 juta, ini bagi melaksanakan latihan 2 syif. Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Pusat Giat MARA, turut menerima peruntukan. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran turut menyediakan pinjaman latihan pada tahun hadapan sebanyak RM330 juta bagi meralisasikan latihan vokasioanal.

Sehingga kini sebanyak 32 buah Institutsi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), Kementerian Sumber Manusia telah dibina. Bermula dengan Institut Latihan Perindustrian di Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur pada tahun 1964, kini sebanyak 23 Institut latihan Perindustrian, menawar program peringkat sijil, 8 Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), menawarkan program Diploma dan 'Japanese Malaysia Technical Institute' (JMTI), menawarkan program hingga Diploma Lanjutan Kejuruteraan.

Bermula dengan program perantisan pada 1964 di ILP Kuala Lumpur, kini ILJTM menawarkan pelbagai kursus peringkat sijil sepenuh masa dan separuh masa. Kesemua program peringkat sijil yang ditawarkan ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia Malaysia. Manakala program peringkat Diploma juga ditauliahkan oleh JPK serta mendapat pengiktirafan dari 'Malaysia Qualification Agency' (MQA).

Selaras dengan perkembangan teknologi serta keperluan tenaga mahir di industri, latihan vokasional di peringkat Diploma Teknologi dan Diploma Lanjutan Teknologi Pengkhususan dalam bidang-bidang berteknologi tinggi, JTM telah membina empat Pusat

Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), ADTEC Batu Pahat telah dibina pada Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7), dua ADTEC telah dibina dalam RMK8 dan dua lagi dalam RMK9.

1.2 Latar Belakang Masalah

Modal insan merupakan pelaburan terpenting bagi pembangunan sesebuah Negara dan menjadi teras inovasi dan ekonomi pendapatan tinggi sebuah Negara. Tanpa memiliki modal insan yang cemerlang yang berkemahiran tinggi, tiada negara yang mampu mencapai kemajuan. Oleh yang demikian, membangun, menarik dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi bertaraf dunia merupakan prasyarat penting mencapai hasrat negara menjadi negara maju.

Industri pula masa kini amat memerlukan kemahiran kebolehpasaran yang merentasi pelbagai fungsi di tempat kerja berbanding masa lampau (Holton & Trott, 1996; ILO, 2003). Jacinto (2001), Kerre (1997) dan Wellington (dalam Kraak, 1991) juga menegaskan latihan kemahiran spesifik semata-mata tidak menjamin pekerjaan, tetapi dengan memuatkan kemahiran generik boleh membantu pelatih memperoleh pekerjaan. ILO (2003), Masri (1999), Schmidt (1999) dan Thomas (1990) menyarankan agar latihan kemahiran bukan sahaja memberikan kemahiran spesifik, malah kemahiran kebolehpasaran melancarkan lagi proses transisi belia daripada alam latihan vokasional di institusi latihan kepada pekerjaan sebenar. Kemahiran kebolehpasaran bersifat umum yang merangkumi bimbingan kerjaya, keusahawanan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), penyelesaian masalah, kerja berpasukan, interpersonal dan personaliti wajar diintegrasikan (ILO, 2003; Jacinto, 2001; Schmidt, 1999). Menurut ILO (2001) dan Thomas (1995). Langkah ini boleh menghasilkan tenaga kerja yang luwes dan berkemahiran tinggi terhadap permintaan pasaran buruh semasa.

Institusi Latihan Kemahiran di Malaysia telah mengalami perubahan pesat dari segi visi, misi, kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, serta penilaian dan pengukuran. Semua perubahan itu menjurus ke arah latihan kemahiran yang berkualiti untuk merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2020, kemajuan bidang pendidikan haruslah bergerak sejajar dengan era globalisasi.

Perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Malaysia pada masa kini telah memberi kesan yang besar ke atas permintaan tenaga manusia terutamanya tenaga kerja profesional, mahir dan separa mahir. Ini menjadi satu cabaran kepada pendidikan Teknik dan Vokasioanal dalam membekalkan golongan yang benar-benar berkemahiran.

Sikap memandang rendah oleh segelintir masyarakat terhadap latihan dan pendidikan vokasional, kerana kurangnya pemahaman dan penerimaan terhadap latihan vokasional masih wujud. Jika masih ramai yang berpendapat latihan vokasional hanya untuk pelajar yang lemah dalam akademik dan yang untuk pelajar tercicir tidak berubah maka matlamat wawasan 2020 negara maju berpendapatan tinggi sukar dicapai.

1.3 Pernyataan Masalah

Sikap memandang rendah pada pelajar-pelajar yang memasuki institusi latihan sebagai gagal akademik masih menebal di kalangan masyarakat. Ramai juga ibubapa, terutama Pegawai Tinggi Kerajaan kurang menggalakkan anak-anak mereka yang berminat dalam bidang kemahiran untuk meneruskan pengajian dalam bidang teknik dan vokasional (Yahya, 1993). Perasaan ini mungkin timbul kerana di masa lalu pelajar yang memasuki institusi latihan vokasional adalah mereka yang gagal memasuki institusi pengajian tinggi. Selain daripada itu, pendidikan ini dikaitkan dengan pekerjaan kolar biru hasil daripada mereka yang gagal meneruskan pengajian akademik bagi mencapai cita-cita mendapat pekerjaan berkolar putih.

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju, perancangan sumber manusia perlu mengambil kira nisbah seorang jurutera bersamaan tiga juruteknik bagi 20 operator (1:03:20). Globalisasi telah meningkatkan lagi penggunaan teknologi baru kepada pekerja-pekerja dengan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi , secara tidak langsung perubahan permintaan ke atas struktur buruh. Nisbah semasa ialah satu jurutera bersamaan 5 juruteknik dan dua belas operator (1:05:12), (Jailani Md Yunus , et al. , 2006). Pembangunan tenaga kerja di semua peringkat - operator, juruteknik, jurutera adalah penting untuk kejayaan ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Walau bagaimanapun, hasrat kerajaan untuk membangunkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dengan nilai-nilai kerja yang positif masih

mempunyai imej negatif di kalangan ibu bapa dan guru-guru berkenaan dengan kerjaya dalam bidang teknikal dan vokasional.

Berdasarkan maklumat kemasukan pelajar ke ADTEC Batu Pahat seperti di dalam jadual 1.1, dibawah didapati jumlah pelajar bagi kursus-kursus tertentu begitu ketara jurang beza bilangan kemasukan pelajarinya.

Jadual 1.1: Statistik pengambilan pelajar ADTEC Batu Pahat, 2009 – 2013

Bil	Kursus /Sesi Pengambilan	2009		2010		2011		2012		2013		Jum
		Jan	Jul	Jan	Jul	Jan	Jul	Jan	Jul	Jan	Jul	
1	Dip. Teknologi Pengeluaran	18	18	12	10	0	17	11	7	14	17	124
2	Dip. Teknologi Pembuatan	26	30	14	15	23	19	27	20	27	35	236
3	Dip. Teknologi Kimpalan	35	22	19	33	45	27	34	33	34	46	328
4	Dip. Teknologi Mekatronik	35	45	13	20	7	32	37	24	28	24	265
5	Dip. Teknologi Elektronik	29	23	15	20	15	35	22	19	29	30	237
6	Dip. Teknologi Komputer	25	55	21	30	51	31	25	21	56	36	351

(Sumber: ADTEC Batu Pahat, 2013)

Pengambilan pelajar sebanyak 2 kali setahun, bulan Januari dan Julai dirancang dengan teliti, supaya kouta setiap kursus dapat dipenuhi. Jumlah pengambilan pelajar adalah bergantung kepada bilangan pengajar, bengkel dan kapasiti asrama. Perancangan pengambilan adalah dalam bilangan 15, 30, 45 atau 60 orang bagi setiap kursus mengikut kemampuan semasa. Kekurangan bilangan pelajar yang mengikuti sesuatu kursus menyebabkan sumber yang terdapat di ADTEC Batu Pahat tidak digunakan secara optimum.

Kekurangan bilangan pelajar yang mengambil latihan vokasional dalam kursus tertentu ke ADTEC Batu Pahat secara khususnya, menimbulkan persoalan bagaimana pelajar mendapatkan maklumat sebelum memilih serta menerima pendidikan dan latihan vokasional. Adakah mereka mengetahui dan mengikuti dari masa ke semasa perkembangan latihan vokasional ini. Kajian ini akan menghuraikan faktor maklumat yang dirujuk dan pengaruh yang menyebabkan bilangan pelajar tidak mencukupi setiap kali ADTEC Batu Pahat secara khususnya membuat pengambilan. Disamping itu kajian dan tinjauan ini akan memperlihatkan sejauh mana persepsi pelajar ADTEC Batu Pahat terhadap latihan vokasional.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji mengapa bilangan pelajar yang memilih latihan vokasional di ADTEC Batu Pahat dalam bidang tertentu tidak mencapai sasaran perancangan setiap sesi pengambilan.

1.5 Objektif Kajian

Di antara objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengenalpasti sumber maklumat pelajar ADTEC Batu Pahat memilih latihan vokasional.
- (ii) Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar ADTECBP memilih latihan vokasional.
- (iii) Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap Pusat Latihan Teknologi Tinggi ADTEC Batu Pahat setelah memilih latihan vokasional.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk mendapatkan jawapan atau maklum balas berdasarkan kepada persoalan-persoalan yang timbul di dalam kajian ini iaitu:

- (i) Apakah sumber maklumat yang dirujuk oleh pelajar ADTEC Batu Pahat dalam memilih latihan vokasional?
- (ii) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam memilih latihan vokasional?
- (iii) Apakah persepsi pelajar terhadap ADTEC Batu Pahat sebagai tempat latihan vokasional?


1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada faktor-faktor yang mendorong pelajar ADTECBP memilih latihan vokasional. Kajian ini berkepentingan untuk:

- i. Memberi panduan kepada Bahagian Pengurusan Pelajar untuk merancang program yang tersusun dalam meningkatkan jumlah kemasukan pelajar ke ILJTM.
- ii. Memberi pengetahuan kepada pihak institusi tentang faktor-faktor yang boleh mendorong pelajar mengambil bidang kursus yang ditawarkan.
- iii. Memberi panduan kepada pihak institusi di dalam memperbaiki atau mengatur program-program yang membolehkan pelajar memilih kursus yang ditawarkan di dalam sesebuah institusi.
- iv. Mengenalpasti kaedah yang berkesan untuk menyebarkan maklumat berkaitan latihan vokasional.

Melalui maklumat ini, ianya diharapkan dapat membantu pihak pengurusan di ADTEC Batu Pahat secara khusus dan JTM secara amnya, memahami dan menilai semula sumber maklumat yang ada dan mengambil tindakan yang sesuai bagi membaikpulih atau meningkatkan keadaan pengurusan bagi meningkatkan bilangan pelajar bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Hasil kajian juga diharapkan dapat digunakan bagi membantu lapan lagi ADTEC, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan institusi latihan vokasional untuk merangka strategi memantapkan penggunaan sumber ke arah mempertingkatkan bilangan pelajar bagi memenuhi permintaan industri.

1.8 Kerangka Konsep



Rajah 1.1: Kerangka konsep (Penyelidik, 2013)

Teori adalah satu konsep, definisi dan proposisi yang saling berkait secara sistematik yang diutarakan untuk menjelaskan atau membuat telahan sesuatu fenomena atau fakta. Manakala kerangka teori pula merupakan model konseptual tentang bagaimana seseorang penyelidik merumuskan hubungan antara beberapa faktor yang dikenalpasti sebagai penting kepada masalah yang ingin dikaji.

Konsep kerangka teori adalah bertujuan untuk mengelaskan secara grafik atau dalam bentuk cerita tentang idea keseluruhan kajian yang dijalankan. Kerangka teori merupakan kunci kepada hubung kait antara pemboleh ubah, faktor-faktor yang mempengaruhi kajian yang akan dijalankan (Miles dan Huberman, 1994).

1.9 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan adalah suatu kajian penyelidikan yang berbentuk perihal atau

deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang dibuat secara tinjauan. Deskriptif adalah penulisan untuk menerangkan satu keadaan atau situasi secara bersistem dan berfakta dengan tepat (Mohd Najib, 1999). Oleh itu, penggunaan soal selidik adalah satu kaedah yang paling sesuai dalam pengumpulan data kerana kaedah analisis datanya mudah dilakukan berbanding dengan kaedah pemerhatian langsung yang memerlukan kemahiran terlatih serta memerlukan masa yang lama (Mohd Najib, 1999). Teknik penyelidikan melalui kaedah tinjauan adalah satu kaedah yang mudah, iaitu sampel diberikan alat untuk dipenuhi maklumat dan maklumat diproses mengikut kaedah analisis yang dirancang oleh penyelidik (Mohd. Najib, 2003). Oleh sebab itu, penggunaan soal selidik merupakan cara yang sangat berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat. Penggunaan soal selidik juga boleh membantu penyelidik menentukan sifat 'impersonal' dalam jawapan dan keseragaman dikalangan responden. Salah satu kebaikan soal selidik adalah ianya menjamin kerahsiaan disamping ia dapat memperolehi maklumat yang tepat dari responden (Ary, Jacob dan Razarieh, 1990).

Penyelidikan yang dijalankan, hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar ADTEC Batu Pahat semester 4 dan 5 dalam Jabatan Mekanikal/ Pengeluaran dan Jabatan Komputer. Kursus yang terlibat adalah Diploma Teknologi Pembuatan / Pengeluaran dan Diploma Teknologi Komputer Rangkaian. Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat sumber maklumat yang diperolehi yang mempengaruhi pelajar ADTEC Batu Pahat sebelum memilih latihan vokasional, faktor-faktor yang mempengaruhi mereka memilih latihan vokasional dan seterusnya persepsi mereka terhadap ADTEC Batu Pahat setelah memilih latihan vokasional.

1.10 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan memiliki beberapa batasan kajian yang dihadapi oleh penyelidik. Antaranya ialah kekangan dari segi masa, kos dan juga kaedah yang diguna pakai. Hal ini memberi kesan kepada penyelidikan yang dilakukan. Batasan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kajian soal selidik. Dengan ini, segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan maklum balas melalui soal selidik. Oleh itu, kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung kepada kesungguhan dan keikhlasan responden menjawab item-item di dalam soal selidik.
- (ii) Dari segi kos, kajian ini dibiayai sepenuhnya oleh penyelidik. Maka ianya menjadi bebanan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini.
- (iii) Kajian ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar ADTEC Batu Pahat di dua buah Jabatan yang berbeza sebagai responden utama. Dua buah jabatan tersebut ialah Jabatan Mekanikal/Pengeluaran dan Jabatan Komputer. Kedua-dua Jabatan ini merupakan antara empat jabatan yang terdapat di ADTEC Batu Pahat.
- (iv) Kajian ini juga adalah merupakan kajian jangka masa pendek iaitu kurang daripada setahun. Ianya disebabkan oleh sumber, tenaga dan masa yang terhad. Ketepatan maklumat adalah bergantung kepada kefahaman, kerjasama, serta kejujuran responden menjawab soalan-soalan yang terkandung dalam borang soal selidik.

1.11 Definisi Operasional

Definisi operasional akan menerangkan istilah yang penting dari pandangan orang lain yang sama maksud dengan istilah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Terdapat beberapa istilah dan ungkapan yang digunakan dalam kajian ini yang boleh menyebabkan kekeliruan dari segi makna. Oleh yang demikian, beberapa istilah tersebut diterangkan seperti berikut:

1.11.1 Kecenderungan

Kamus Dewan (2000) mentafrifkan kecenderungan itu adalah arah, tujuan, ingin, gemar, mahu dan meminati. Kecenderungan boleh mengarah imiginasi seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat yang positif mahupun negatif. Seseorang individu yang

mempunyai idea yang jelas tentang kecenderungannya, maka kemahuan dan imiginasinya akan mengarah kearah yang positif, maka sekiranya individu tersebut kabur idea, kurang jelas arah kecenderungannya ia mungkin membuat keputusan yang bercelaru serta kearah negatif. Dalam kajian ini, penyelidik mendefinasikan kecenderungan sebagai satu sifat dalaman yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu bagi memenuhi minat dan harapan dalam bidang yang diceburinya.

1.11.2 Latihan Vokasional

Latihan vokasional dapat didefinasikan sebagai kaedah pembelajaran berasaskan pekerjaan yang dapat meningkatkan kemahiran dan produktiviti seseorang melalui pusat latihan, institusi dan persekitaran tempat kerja (Tsang, 1999). Menurut Nwagwu (2003) semua sistem pendidikan di dunia memberi keutamaan kepada latihan vokasional. Latihan vokasional dibentuk bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas vokasional dan teknikal. Pernyataan ini dipersetujui oleh Aziz Deraman et al. (2002) mengatakan latihan vokasional adalah pengetahuan dan kemahiran berdasarkan bidang pekerjaan yang diperolehi atau dibangunkan melalui proses pembelajaran.

Mustapha dan Greenan (2002) pula berpendapat secara amnya, latihan vokasional adalah satu kaedah dan tempat melahirkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran tertentu, walaubagaimanapun dalam persekitaran era ekonomi baru, latihan vokasional dilihat dan diharapkan dapat melahirkan pekerja yang berkemahiran dan bermotivasi tinggi. Merujuk kepada definasi yang telah diberikan, Mustapha dan Greenan (2002), membuat kesimpulan bahawa objektif latihan vokasional adalah proses mengajar dan mendidik pelajar berkemahiran dalam bidang-bidang kemahiran baru ataupun penambahan tahap kemahiran sedia ada bagi meningkatkan kapasiti dan produktiviti kerja. Sebagai kesimpulannya, definasi yang diberikan oleh Mustapha dan Greenan (2002) dilihat lebih tepat dan menyeluruh.

1.11.3 Pelajar

Pelajar adalah pelatih, penuntut atau orang yang sedang belajar. Mengikut tafsiran penyelidik, pelajar membawa maksud individu atau kelompok individu yang sedang mengikuti latihan kemahiran dalam tempoh tertentu. Bagi tujuan kajian ini pelajar tersebut adalah pelajar tahun 2 (Sem 4) dan tahun akhir (Sem 5) dari Jabatan Mekanikal/Pengeluaran dan Jabatan Komputer yang sedang mengikuti latihan kemahiran di ADTEC Batu Pahat.

1.11.4 Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat

Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat merupakan salah satu daripada 32 buah Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) dibawah Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia. Pusat Latihan Teknologi Tinggi atau lebih di kenali dengan nama ringkasnya 'ADTEC' (Advanced Technology Training Centre). Terletak lapan kilometer dari Bandar Batu Pahat, ianya dibina dan ditubuhkan bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dengan menyediakan latihan vokasional di peringkat Diploma Teknologi, Diploma Lanjutan Teknologi dan Diploma Teknologi Kejuruteraan. Latihan kemahiran yang disedia khusus dalam bidang-bidang berteknologi tinggi dan terkini sejajar dengan keperluan perkembangan teknologi di sektor industri. ADTEC Batu Pahat juga merupakan pusat bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran yang menawarkan program peringkat Diploma Lanjutan Kemahiran (Tahap 5).

1.11.5 Kerjaya

Dalam penggunaan harian, terdapat 2 perkataan yang sering digunakan iaitu pekerjaan dan kerjaya. Merujuk kepada Kamus Dewan (2000), pekerjaan diertikan sebagai "sesuatu yang dilakukan secara berterusan kerana mencari nafkah". Manakala Kerjaya pula didefinisikan sebagai "profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah". Dari kedua-dua pengertian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa istilah

pekerjaan dan kerjaya mempunyai makna yang serupa ataupun mempunyai makna yang tidak bertentangan (Yusof Ismail, 1991).

Ada dua tanggapan yang berbeza mengenai pekerjaan dan kerjaya. Bagi masyarakat yang bersikap materialistik, mereka beranggapan pekerjaan merupakan tuhan bagi manusia dan manusia adalah hamba kepada pekerjaan (Yusof Ismail, 1991). Ini kerana matlamat pekerjaan itu hanya untuk kesenangan dunia semata-mata dan semua cara dibenarkan asalkan memperolehi hasil yang lumayan. Sebaliknya, Islam mempunyai pandangan yang khusus terhadap pekerjaan, di mana menurut Islam, naluri bekerja tertanam dalam diri manusia. Manusia secara tabi'e (semulajadi) ingin menggunakan sumber-sumber alam untuk memakmurkan dunia kerana manusia berfungsi sebagai khalifah Allah, pemegang amanah di mukaburni dan beranggapan pekerjaan menjadi hamba bagi manusia seperti Firmah Allah S.W.T.: "*Dialah yang menjadikan untuk kamu bahan-bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya*" (Surah Hud, ayat 61).

1.12 Rumusan

Secara keseluruhannya bahagian ini memberi gambaran awal mengenai kajian yang dilakukan dengan menghuraikan tujuan dan matlamat kajian serta menyenaraikan langkah-langkah yang dibuat dalam kajian melalui objektif-objektif yang ditetapkan. Latar belakang masalah dan pernyataan masalah menjelaskan lagi mengenai data yang diperlukan, alat kajian yang digunakan untuk mengumpul data serta teknik statistik yang sesuai untuk menganalisis data, pembolehubah serta populasi kajian. Bab ini menerangkan pernyataan masalah yang merupakan teras kepada kajian penyelidikan ini. Selain itu, bab ini juga menjelaskan objektif, persoalan dan kepentingan kajian yang mendorong penyelidik untuk membuat kajian selanjutnya dalam bab-bab yang seterusnya.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Fenomena yang telah mengundang kebimbangan mengenai jumlah dan bilangan mereka meminati atau menceburi latihan vokasional, tetapi lebih daripada itu dan jika dibiarkan, kesannya amat buruk terhadap kemajuan negara amnya. Permasalahan utama yang menutupi minda mereka untuk meninjau peluang baru dunia dan kerjaya teknikal adalah anggapan di kalangan segelintir mereka bahawa bidang teknikal dan vokasional merupakan kerjaya kelas dua dan lantaran itu masyarakat memandang profesion ini dengan sebelah mata sahaja. Bidang ini tidak menjanjikan apa-apa yang menarik, sama ada dari segi pendapatan dan martabat sosialnya dalam masyarakat melainkan satu kerjaya yang hanya berjemur di tengah panas terik ataupun di kilang-kilang. Perkara seperti ini tidak dialami oleh mereka yang memilih bidang akademik. Mereka yang lebih dikenali sebagai 'ahli profesional kolar putih' dipandang tinggi dan mempunyai status sosial yang agak mulia dalam masyarakat kerana mempunyai pendapatan yang lumayan serta bekerja dalam pejabat yang selesa dan berhawa dingin pula. Walaupun tanggapan ini tidak sehebat seperti pada dua puluh tahun yang lalu ketika ekonomi negara masih bergantung kepada sektor pertanian, tetapi kekangan mental ini turut memberi kesan terhadap peranan dan sumbangan umat Islam di bidang teknikal dan kesannya sedang dirasakan kini.

Di samping itu, terdapat juga kecenderungan dalam kalangan para pelajar dan segelintir ibu bapa yang tidak meminati bidang-bidang berkaitan teknikal berbanding bidang akademik. Anggapan biasa adalah bidang-bidang teknikal hanya untuk para pelajar yang gagal dalam akademik ataupun bagi mereka yang kurang tahap kecerdasannya dalam bidang akademik. Ini adalah anggapan yang salah dan sudah tentu akan membantutkan usaha serta harapan kerajaan dan negara yang bercita-cita untuk mencapai status negara maju dalam sektor industri dan pembuatan dalam masa terdekat ini.

Pendidikan teknikal dan vokasional turut mempunyai komponen akademik sebagaimana bidang akademik yang lain seperti bidang sains, kesusasteraan, bahasa dan matematik, tetapi bidang vokasional mempunyai lebih komponen bersifat teknikal dan fizikal seperti kejuruteraan, penyelenggaraan mesin, pengimpalan dan ketukangan yang kurang memerlukan kemahiran bahasa dan lebih disifatkan sebagai kemahiran *non-verbal* berbanding bidang akademik yang agak *verbal*. Selain daripada itu, terdapat juga pelajar yang lebih selesa menerima pembelajaran dalam bidang teknikal dan fizikal berbanding kaedah yang biasa digunakan dalam akademik yang lebih menekankan aspek verbal dan teori. Perbezaan pelajar sebagai individu, keselesaan dan kecenderungan mereka seperti inilah yang harus diberi perhatian agar proses pembelajaran itu mencapai matlamatnya. Islam itu sendiri mengakui perbezaan setiap individu dan lantaran itu, tujuan utama pendidikan dalam Islam adalah untuk mendidik individu pelajar secara menyeluruh iaitu dengan mengambil kepentingan semua aspek kejadian manusia untuk mengurangkan perbezaan yang wujud secara optimum. Firman Allah dalam surah al Isra', ayat 84 bermaksud "katakanlah, setiap orang bertingkahturut menurut keadaannya masing-masing (yakni bakat dan suasana), maka Tuhanmu lebih mengetahui siapa yang mendapat jalan yang lebih baik."

2.2 Senario Latihan Vokasional di Serata Dunia

Latihan vokasional dan teknikal telah menjadi agenda penting di kebanyakan negara serata dunia terutamanya di peringkat pengajian menengah atas dan peringkat pengajian tinggi (Tilak, 2002b). Menurut Oketch (2007), latihan vokasional dan teknikal telah

dilaksanakan di hampir semua negara Afrika yang melibatkan pembelajaran secara formal. Di Finland, latihan vokasional dilihat sebagai proses latihan utama kepada pekerja pasaran buruh, yang mana melibatkan latihan vokasional peringkat asas, lanjutan dan latihan semula kepada pekerja (Vouri dan Vesalainen, 1999). Di Jerman, Deissinger (1997) menyatakan latihan vokasional 'dwi-sistem' telah diperkenalkan yang merujuk kepada kaedah latihan di institusi latihan vokasional dan latihan di tempat kerja. Sistem latihan ini menyediakan graduan untuk memperoleh pengalaman dan kelayakan vokasional di kedua-dua situasi yang berbeza iaitu di institusi dan di tempat kerja.

Di Eropah latihan vokasional menjurus kepada pendekatan kecekapan yang lebih holistik (Eraut, 1994;. Biemans et al, 2004). Dalam pendekatan ini kecekapan ditakrifkan seperti berikut: 'kecekapan adalah keupayaan berorientasikan prestasi bersepadu seseorang atau organisasi untuk mencapai pencapaian tertentu' (Mulder, 2001, ms 76.). Kompetensi memberi tumpuan kepada aspek tingkah laku, kecekapan memberi tumpuan kepada keupayaan bersepadu seseorang dan membawa kepada kebenaran untuk melakukan tugas-tugas tertentu. Kompeten bermakna seseorang mempunyai kemahiran tertentu. Apabila seseorang telah melalui latihan serta mencapai semua kompetensi kerja tertentu maka dia diiktiraf serta mendapat kelayakan tertentu.

Glover dan Bilginsoy (2005) menyatakan program perantis melibatkan belia juga telah diperkenalkan di Amerika Syarikat bagi memperlengkap dan memahirkan golongan belia dengan kemahiran kerja yang sesuai. Hasil daripada kajian Glover dan Bilginsoy (2005) dari tahun 1996-2003mendapati tujuh puluh lima peratus perantis menyertai program yang melibatkan industri pembinaan dengan bidang elektrik mencatat bilangan perantis tertinggi.

Latihan vokasional dan teknikal telah dijadikan sebahagian daripada program pendidikan selain pendidikan akademik di negara-negara Asia (Tilak, 2002b). Walaupun terdapat perbezaan dari segi infrastruktur dan perlaksanaan, pembangunan berterusan program latihan vokasional telah dijadikan agenda penting di kebanyakan negara-negara Asia. Di Malaysia, pewujudan sistem latihan vokasional yang diseliasa melalui badan-badan awam adalah untuk mendedahkan belia dengan kemahiran vokasional di samping membantu mereka mendapat peluang pekerjaan (Tzannatos dan Johnes, 1997). Pembangunan sistem pendidikan di Malaysia telah bermula sejak kemerdekaan pada

tahun 1957 dan disokong dengan penubuhan institusi-institusi latihan kemahiran bagi merealisasikan matlamat mencapai status negara maju (Hashim, 2001).

2.3 Peranan Pihak Kerajaan Dalam Pembangunan Latihan Vokasional

Pembangunan program latihan vokasional dan teknikal telah menjadi satu tajuk penting dalam usaha memperlengkapkan golongan muda dengan kemahiran yang dapat memberi peluang pekerjaan bagi menempuhi cabaran mendatang. Penglibatan pihak kerajaan di kebanyakan negara-negara di serata dunia dalam menyediakan latihan dan sokongan berterusan kepada pihak swasta dalam mengendalikan program latihan vokasional adalah merupakan salah satu usaha penting bagi meningkatkan taraf ekonomi masing-masing.

Deissinger (1996) menyatakan bahawa penglibatan pihak kerajaan dalam pembangunan program latihan vokasional di Jerman dilihat sebagai salah satu kaedah bagi memastikan kualiti latihan dapat dikekalkan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Aboagye (1999) menegaskan sebagai contoh di Ghana, usaha-usaha dilakukan ke arah program-program pendidikan melalui latihan vokasional adalah untuk memenuhi keperluan pembangunan negara. Sejak tahun 1957, Kerajaan Ghana dan lain-lain pihak-pihak berkepentingan telah berusaha untuk meningkatkan sistem pendidikan vokasional dengan menubuhkan lebih banyak Politeknik, Kolej Latihan Guru, Sekolah Teknik dan Sekolah Vokasional Asas latihan di seluruh negara.

Kajian oleh Tzannatos dan Johnes (1997) mengenai pembangunan latihan dan kemahiran di Negara-negara Asia di mana sektor perindustrian berkembang dengan pesatnya menunjukkan penglibatan kerajaan dalam menyediakan pendidikan dan latihan vokasional adalah satu usaha penting dalam pembangunan latihan vokasional dan seterusnya membantu pembangunan negara masing-masing. Pendapat yang sama diutarakan oleh Ziderman (1997) di mana pihak kerajaan terutamanya di negara-negara membangun melihat saiz sektor latihan vokasional memainkan peranan penting dalam pembangunan negara masing-masing di samping sektor yang membekalkan pekerja mahir kepada pembangunan industri yang semakin berkembang.

Tzannatos dan Johnes (1997) dalam kajiannya di negara Korea, Malaysia, Singapura dan Taiwan menunjukkan kepentingan penglibatan kerajaan masing-masing

dalam menyediakan pusat-pusat latihan dan program pembangunan latihan kemahiran kepada rakyat. Mereka membuat kesimpulan dengan menyatakan penglibatan kerajaan dalam membangunkan latihan kemahiran di negara-negara tersebut memberi hasil positif sama ada dari sudut kuantiti atau kualiti. Sebagai tambahan kepada kenyataan di atas, Tilak (2002b) mendapati Jepun dan Singapura adalah dua negara yang mempunyai infrastruktur dan pembangunan latihan vokasional yang terbaik di Asia, manakala bagi Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Sri Lanka berada pada paras sederhana. Sementara itu, di Bangladesh, Nepal, Pakistan dan Myanmar, tahap pembangunan latihan vokasional berada pada paras yang agak rendah begitu juga bagi dua negara besar di Asia iaitu China dan India.

Selain pusat-pusat latihan vokasional yang sedia ada, pada Mei 2005 kerajaan Malaysia melalui keputusan kabinet di bawah Rancangan Malaysia 8 telah memperkenalkan sistem baru yang lebih sistematik dan serba boleh iaitu program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Program ini diwujudkan bagi memenuhi permintaan daripada sektor perindustrian untuk melahirkan pekerja-pekerja yang lebih mahir (hands-on) dan berpengetahuan. Program ini melibatkan latihan di dua tempat latihan teori di institusi latihan dan latihan praktikal yang terdiri daripada proses kerja teras sebenar di industri. Latihan ini dipanggil " dual" kerana pendidikan vokasional dan latihan pekerjaan disediakan pada masa yang sama kepada pelatih oleh institusi latihan dan majikan masing-masing (Indermit & Amit, 1996, p.144). Usaha untuk memperluaskan pelaksanaan SLDN dinyatakan dengan jelas dalam Rangka Tindakan Latihan Kemahiran Malaysia (Pelan Induk Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia 2008-2020 dan Latihan , 2008). Langkah-langkah diambil adalah seperti berikut :

- i. Menyediakan insentif kepada syarikat-syarikat atau industri;
- ii. Mengintegrasikan Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) Sistem Latihan Perantisan dengan SLDN;
- iii. Mengiktiraf program latihan industri;
- iv. Mewujudkan program SLDN khusus untuk pekerja-pekerja yang berpengalaman;
- v. Meningkatkan imej dan status pekerja kemahiran dengan mewujudkan satu kategori baru " jurubina pakar ";

- vi. Melaksanakan program-program latihan SLDN untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing;
- vii. Menyediakan format dan pelaksanaan pendekatan yang lebih holistik untuk menarik syarikat-syarikat , individu , komuniti, persatuan dan lain-lain ; dan
- viii. Menjalankan promosi dan program kesedaran pada skala yang lebih luas dan lebih besar kepada industri di Malaysia untuk mendapatkan sokongan dan membuat SLDN sebagai jalan kepada pilihan kerjaya.

Kerajaan Malaysia dalam tindakan mempertingkatkan pembangunan modal insan bertaraf dunia bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, perlu melaksanakan peningkatan kemahiran secara radikal bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar dengan memberi tumpuan kepada strategi berikut:

- i. Mengarus perdanakan dan memperluas akses kepada pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berkualiti; dan
- ii. Meningkatkan kompetensi pelajar sebagai persediaan untuk memasuki pasaran pekerjaan.

(Sumber: RMK10)

2.4 Vokasional dan Sumbangan Kepada Pembangunan Ekonomi

Pembangunan ekonomi terutama di negara-negara membangun telah menuju kepada perubahan pesat dalam dua dekad kebelakangan ini. Perubahan ini telah mewujudkan permintaan lebih tinggi kepada mereka yang mempunyai pelbagai kemahiran, kreatif dan mampu menyesuaikan diri dengan tahap pasaran kerja yang semakin meningkat (Tabbron dan Yang, 1997). Merujuk kepada kenyataan ini, Tabbron dan Yang (1997) berpendapat pembangunan ekonomi berterusan bagi latihan vokasional dan teknikal telah menjadi salah satu strategi penting bagi negara-negara maju dan membangun dan seterusnya memenuhi keperluan sosial dan ekonomi yang semakin berkembang. Kenyataan di atas disokong oleh Foster (2002), yang menyatakan pembelajaran merujuk kepada latihan vokasional memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi.

Peningkatan ekonomi menyebabkan pembangunan modal insan dan taraf hidup penduduk melalui latihan vokasional dan teknikal perlu dipergiatkan bagi menyahut

perubahan yang mendatang. Trzcinski dan Randolph (1991) menyatakan pendekatan yang telah dilakukan oleh sesebuah negara bagi meningkatkan kualiti latihan sesuai dengan sektor pekerjaan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, mereka berpendapat kaedah dan penyelesaian terbaik adalah dengan mewujudkan sistem latihan dan pembelajaran yang berkesan bagi memastikan kejayaan dapat dicapai oleh semua, terutama belia lepasan sekolah.

Yidan Wang (2012) menyatakan keciciran sekolah menjadikan sumber manusia sia-sia, mereka juga terlepas peluang untuk perubahan kerjaya dan dengan itu mengurangkan potensi manusia untuk pembangunan. Walau bagaimanapun, peluang kedua pembelajaran atau latihan memberi peluang kepada seseorang untuk menukar kerjaya telah membolehkan orang itu untuk berjaya dalam kerjaya baru, yang juga bermanfaat untuk ekonomi. Dalam dunia yang kompetitif hari ini, pengetahuan dan kemahiran adalah kritikal untuk membina ekonomi yang kukuh dan peluang untuk memperoleh kemahiran dan melibatkan diri dalam komuniti dan masyarakat adalah amat penting (Bank Dunia, 2006).

Malaysia berhasrat meningkatkan ekonomi dalam rangkaian nilai untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Oleh itu, kemasukan dalam pendidikan teknikal dan latihan vokasional (PTLV) perlu ditambah dan kualiti latihan secara keseluruhan dipertingkatkan untuk meningkatkan dengan ketara tahap kemahiran tenaga kerja. PTLV bertujuan menambah bekalan modal insan berkemahiran di Malaysia melalui penyediaan pendidikan berkualiti kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan dan keupayaan dalam bidang teknikal dan vokasional. PTLV menjurus kepada penyediaan kemahiran yang boleh digunakan dengan segera dalam pasaran pekerjaan.(RMK10)

Ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi memerlukan sebilangan besar pekerja yang berpengetahuan seperti ahli sains, jurutera, ahli profesional, agen paten dan usahawan berasaskan teknologi. Institusi pengajian tinggi mempunyai peranan yang penting dalam menghasilkan modal insan berkemahiran tinggi dan berkeupayaan untuk mencipta, menginovasi, menghasil dan memelopori pengetahuan baru serta mengaplikasi dan membangunkan teknologi.(RMK10)

2.5 Peranan Latihan Vokasional Dalam Mengatasi Masalah Pengangguran


Di negara-negara Eropah, masalah pengangguran belia semakin meningkat dari tahun 1970-an hingga 1990-an. Bagi mengatasi masalah ini, Middleton dan Ziderman (1993) dalam Avril V. Adam (2011) menyatakan golongan belia perlu dilengkapi dengan kemahiran bekerja melalui latihan vokasional. Oketch (2007) dalam penulisannya menyatakan latihan vokasional dan teknikal adalah sebagai penawar kepada masalah pengangguran belia. Menurut Mustapha dan Greenan (2002), para pendidik dan majikan berpendapat latihan vokasional dan kemahiran secara keseluruhannya menyumbang kepada pembangunan sektor ekonomi dan pekerjaan. Selain itu, mereka juga berpendapat program latihan vokasional adalah lebih sesuai berbanding program akademik dalam membangunkan kemahiran-kemahiran baru dan juga mengiktiraf kebolehan lepasan vokasional dalam penggunaan teknologi terkini.

Tilak (2002) dalam penulisannya menyatakan latihan vokasional dan teknikal adalah penting kepada pertumbuhan ekonomi, malah berpendapat taraf pengangguran akan menyusut, jika seseorang mempunyai kemahiran vokasional yang memenuhi kehendak pasaran. Justeru latihan vokasional dan tahap pembangunan ekonomi mempunyai kaitan antara satu sama lain melalui peranan berterusan latihan vokasional dalam membekalkan tenaga kerja berkemahiran bagi memenuhi keperluan sektor pekerjaan dan sebagai salah satu langkah mengatasi masalah pengangguran.

Sistem PTLV di Jerman menunjukkan peningkatan kemahiran tenaga kerja di negara ekonomi terbesar di Eropah. Sistem PTLV dianggap satu daripada kekuatan utama sistem pendidikan di Jerman yang mana sebanyak 60-70% daripada pelajar (lebih daripada 1.6 juta) memasuki sekolah vokasional. Latihan ini menyediakan banyak program latihan merangkumi hampir 340 pekerjaan dan sangat popular dalam kalangan lepasan sekolah di Jerman. Sistem latihan ini sangat berjaya dengan kadar pengangguran siswazah dalam tempoh setahun selepas tamat pengajian adalah rendah, iaitu 3%. (RMK10)

Dalam menyediakan peluang pekerjaan serta pendapatan kepada rakyat, kerajaan Malaysia dibawah RMK9 telah mewujudkan beberapa koridor ekonomi antaranya ialah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER) dan

Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER). Khazanah Nasional (2006) dalam laporannya menyatakan Pembangunan Komprehensif untuk Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER) 2006 – 2025 kini dikenali dengan nama Iskandar Malaysia, amat memerlukan tenaga berkemahiran tinggi. Ini adalah peluang kepada penyedia latihan vokasional mampu menyumbang peningkatan ekonomi disamping mengurangkan masalah pengangguran. Laporan tersebut turut menyatakan bahawa sektor pembuatan merupakan penyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) SJER dalam tahun 2005 sebanyak 45%. Sektor ini didominasi oleh industri elektrik dan elektronik (E&E) pada takat 32%, diikuti oleh industri kimia dan produk kimia pada 12% dan industry makanan dan minuman pada 11%. Industri-industri ini, bersama-sama dengan perkhidmatan logistik dan perkhidmatan berkaitan adalah perangsang ekonomi utama dalam SJER pada masa ini. Anggaran 70% daripada jumlah penuh industri pembuatan terletak di Johor atau kira-kira 4,266 penubuhan melalui SJER (Gambrajah 2.1).



Gambarajah 2.1 : SJER: Tumpuan Syarikat Pembuatan dalam SJER dan di luar SJER (2005) Sumber: Johor Corporation, (2005)

2.6 Latihan Vokasional dan Kesan Kepada Graduan

Terdapat pelbagai persepsi di kalangan ibu bapa dan generasi muda mengenai latihan vokasional dan peluang lepasan latihan vokasional memperoleh peluang pekerjaan terutama di zaman yang semakin mencabar dan moden. Perubahan teknologi yang

semakin pesat mengakibatkan ramai ibu bapa berpendapat pendidikan akademik di peringkat tinggi dapat menjamin taraf hidup anak-anak mereka di samping peluang pekerjaan yang lebih luas. Latar belakang keluarga mempengaruhi keputusan belia memilih kursus yang akan diikuti (Heinz et al., 1998).

Dalam tempoh Rancangan Malaysia ke Sepuluh, kempen media di peringkat nasional akan dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan kesedaran dan menambah baik persepsi terhadap PTLV. Kumpulan sasar utama adalah pelajar yang berpotensi dan ibu bapa mereka. Kempen akan memberi penekanan terhadap manfaat memasuki pasaran pekerjaan dengan kelayakan PTLV, seperti gaji permulaan, jenis pekerjaan dan laluan kerjaya serta pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) untuk lebih banyak jawatan dalam sektor awam. Pelbagai saluran penyampaian seperti televisyen, radio, majalah dan selebriti akan diguna untuk menyampaikan maklumat tersebut kepada kumpulan sasar. (RMK10)

2.6.1 Imej

Sharpe (1993), menekankan bahawa imej bermula di rumah. "Imej mana-mana organisasi perkhidmatan adalah di tangan penyedia perkhidmatan itu. Ini adalah benar untuk pendidikan teknik dan vokasional, dimana penyedia latihan (pengajar dan kakitangan) senentiasa berhubungan dengan pelanggan utama mereka (pelajar) selama berbulan-bulan dan bertahun-tahun." (ms 24). Hubungan dan kualiti tempat pendidikan vokasional mempunyai pengaruh besar ke atas imej pelajar. Sharpe mencadangkan supaya pensyarah, guru-guru dan pentadbir mempertimbangkan beberapa soalan yang dikira penting: Apa yang pelanggan kami fikirkan mengenai kami? Sejauh manakah kami melakukan perkhidmatan kami? Jawapannya dapat merungkai imej program ataupun institusi penyedia latihan tersebut.

Wancott, (2000); Gray, (1997) dan Stone, (1993) mengemukakan beberapa isu lain mengenai pendidikan teknikal dan vokasional antaranya adalah gaji rendah, laluan kerjaya tidak menjamin masa depan, tidak boleh masuk universiti dan akhirnya pendidikan teknikal dan latihan vokasional adalah untuk pelajar tercicir dan pelajar-pelajar istimewa (orang kurang upaya). Malah Imej dan daya tarikan PLTV telah

menjadi masalah selama beberapa dekad dalam kebanyakan negara-negara Eropah (Ruth & Grollmann 2009, 44).

Laporan Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Pekerjaan Malaysia (2008) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia mengenai cabaran dari Perspektif Imej dan Persepsi Masyarakat, antara cabaran dan usaha yang perlu dilakukan dan beri perhatian supaya imej latihan vokasional dapat ditingkatkan adalah seperti berikut:

- i. stigma masyarakat terhadap pelajar yang menyertai aliran kemahiran sebagai pelajar tercicir dan dipandang rendah.
- ii. keperluan untuk memberi pengiktirafan kepada latihan kemahiran sebagai sebahagian daripada arus perdana dalam pendidikan
- iii. penyedia latihan yang tidak bertanggungjawab – menyalahgunakan bantuan kewangan kerajaan dengan mengabaikan pelajar.
- iv. keperluan untuk perkongsian pintar dalam mempertingkatkan latihan kemahiran.

(Sumber PELAN INDUK 2008)

2.6.2 Pekerjaan

Kajian oleh Holton III dan Trott (1996), membincangkan dua elemen penting iaitu program latihan vokasional dan pembangunan sumber manusia dalam pembangunan tenaga kerja terutamanya keperluan tenaga kerja masa hadapan. Mereka turut berpendapat pentingnya sesuatu program yang diadakan mempunyai hubungan dengan sektor perniagaan dan industri di mana secara kesimpulannya program yang diadakan perlu mempunyai hubungan dan sesuai dengan persekitaran kerja. Oleh itu, Middleton, Ziderman, & Adams (1993) berpendapat untuk menjadi pekerja yang memenuhi permintaan pasaran kerja yang berprestasi tinggi, lepasan vokasional memerlukan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran di institusi yang bersesuaian dengan situasi tempat kerja sekarang.

Bennel (1996) mendapati kebanyakan graduan vokasional memilih untuk kekal dalam pekerjaan mengikut bidang yang dipelajari. Manakala menurut Neuman dan Ziderman (1991), majoriti daripada graduan program latihan vokasional bidang-bidang

RUJUKAN

- Abdul Aziz, A.R., Jaafar, M., Enshassi, A. and Mohamed Salleh, M.N. (2008). Does vocational training meet the construction industry needs in Malaysia? Feedback from ex-trainees of the basic electrical wiring course from one training institution. *Journal of Engineering, Design and Technology*. Vol. 6 No. 3, 2008 pp. 258-268.
- Abdul Ghafar, M.N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. 30-181
- Abdul Ghafar, M. N. (2001). *Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Kedua. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd Hair Awang. (2004). Keberkesanan kebolehpasaran pelatih dalam industri latihan vokasional terpilih. *Tesis PhD*. Universiti Putra Malaysia
- Abd Hair Awang. (2004). Program Latihan Kemahiran: Perbandingan Kos, Kebolehpasaran Dan Pendapatan Pelatih *IJMS* 14 (1), 212-244 (2007)
- Abd Hair Awang, Azimi Hamzah, Rahmah Ismail dan Jegak Uli. 2008. Kemahiran Bolehkerja: Keseimbangan Antara Tuntutan Majikan dan Penguasaan Pelatih. Universiti Putra Malaysia
- Aboagye, J. K. (1999). Some issues in curriculum development . Accra : City Publishers.
- AD Minghat. (2010): Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Pelajar Mengikuti Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Akademik Harian Di Daerah Hulu Langat, Selangor. http://eprints.utm.my/10820/1/Faktor_%282%29.pdf [dicapai pada 6 Nov 2013]
- Ahmad Zanzali, N. A. & Rahmat, N. (2010). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Perguruan Di Kalangan PelajarPelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.
- Alias Baba (1999). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi:Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Arsat, M. & Rasid, N. A. (2003). *Faktor kesediaan Pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dala Pembentukan Kerjaya*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia
- Baba, A. (1999). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ary, D., Jacobs, L.C., dan Razaveih, A.(1990). *Introduction to Research In Education* (4th edition). Orlando: Harcourt Brace Publishers.
- Avril V. Adam (2011), *The Role of Skills Development in Overcoming Social Disadvantage*, UNESCO 2012/ED/EFA/MRT/PI/04. <http://www.unesco.org/new/fileadmin/MULTIMEDIA/HQ/ED/pdf/gmr2012-ED-EFA-MRT-PI-04.pdf> [dicapai pada 1/12/2013]
- Aziz Deraman et. al (2002). “Benefit, Monitoring & Evaluation System: A Case Study of Malaysian Technical Education System”. *Informing Science*.
- Bennell, P. (1996). *General versus Vocational Secondary Education in Developing Countries: a review of the rates of return evidence*, *Journal of Development Studies* , Vol. 33, pp.230-47
- Biemans, H. et al. (2004). *Competence based VET in the Netherlands: backgrounds and pitfalls*. *Journal for vocational education and training* , Vol. 56, No 4, p. 523-538
- Brady, 1999:41 Brady, J. T. (1999). *My Son, the Technician*. *Tech Directions* 58, no. 7 (February 1999): 41.
- Bunn, P., & Stewart, D. (1998): *Perceptions of technical committee members regarding the adoption of skill standards in vocational education programs*. *Journal of Career and Technical Education*, 14, 7–17.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi Pertama. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia).
- Creswell, J. W. (2008). *Educational Research*. Edisi Ke Empat. United States of America: Pearson Education.
- Datuk Seri Najib Tun Razak (2013) : *Ucapan Bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Tahun 2014*, 25 Okt 2013.
- Datuk Seri Najib Tun Razak (2012) : *Ucapan Bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Tahun 2013*, 28 September 2012.

- Davis, J.A.(1971).*Elementary Survey Analysis*. Parentice Hall McGraw-Hill.
- Deissinger, T. (1997) “The German dual system – a model for Europe?”, *Education and Training* , 39(8), pp.297-302
- Deissinger T (1996), Germany's Vocational Training Act: Its function as an instrument of quality control within a tradition-based vocational training system, *Oxford Review of Education* 22: 317-336. <http://jtr.e-contentmanagement.com/archives/vol/4/issue/1/article/3169/models-of-fulltime-and-parttime-vocational> [dicapai pada 27/11/2013]
- Deraman et al. (2002). “Benefit, Monitoring & Evaluation System: A Case Study of Malaysian Technical Education System”. *Informing Science*.
- Emat, Y. (1993). Pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia. Cetakan 1993. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd
- Eraut, M. (1994) *Developing professional knowledge and competence*. London: Falmer Press, 1994
- Foster (2002) Foster, P. J. (2002) The vocational school fallacy revisited: education, aspiration and work in Ghana 1959-2000. *International Journal of Educational Development*, 22 (1): 27-28.
- Fraenkel, J. R. (2009). *How to Design and Evaluate Research In Education*. Edisi KeTujuh. San Francisco: McGraw-Hill.
- Glover, Robert W. and Cihan Bilginsoy. (2005). Registered apprenticeship training in the U.S. construction industry. *Education & training* 47 (4/5): 337-349.
- Gray, K. C. (1997). The Gatekeepers. *Techniques* 71, no. 9 (January 1997): 24-27.
- Hashim, J. (2001). Training evaluation: clients’ role. *Journal of European Industrial Training*. 25(7):374-379.
- Healey, J. (2005). *Statistic-A Tool For Social Research* (7th Ed). USA: Thomson Wadsworth
- Heijke et al. (2003): Fitting to the job: the role of generic and vocational competencies in adjustment and performance. *Labour Economics* 10 (2003) 215–229
- Heinz, W.R. et al (1998): Vocational training and career development in Germany; results from a longitudinal study; *International Journal of Behavioral Development* 22, 77-101.

- Holland, J.L. (1973). *Making Vocational Choice: A Theory of a Career*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice - Hall.
- Holton, E. F. & Trott, J. W. (1996): Trends toward a closer integration of vocational education and human resource development. *Journal of Vocational and Technical Education*, 12(2). <http://scholar.lib.vt.edu/ejournals/JVTE/v12n2/holton.html>. [dicapai pada 1/11/2013].
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Edisi Pertama. Malaysia: International Labor Office.
- ILO. (2001). *Meeting the Youth Employment Challenge. A Guide for Employers*. Geneva: International Labor Office.
- ILO. (2003). *Learning and Training for Work in the Knowledge Society*. Geneva: International Labor Office.
- Indermit Gill & Amit Dar (1996): Germany's Dual System: "Lessons for Low and Middle Income Countries. Prepared for the World Bank-ILO Studies On Constraints and Innovations In Reform of VET" wbln0018.worldbank.org/HDNet/hddocs.nsf/globalview/Germany
- IPPTN (2004). Daya saing lulusan lepasan tempatan dengan lulusan lepasan luar Negara Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
- Jacinto, C. (2001). Vocational training programmes and disadvantaged youth in Latin America: How to provide generic and vocational skills. *International Conference of Linking Work, skills and Knowledge: Learning for Survival and Growth*. 10-12 September, Interlaken, Switzerland.
- Jailani Md Yunus , et al. (2006). *Technical and Vocational Education and Training (TVET) from Malaysian Perspective*. 2 nd International TT-TVET EU Asia-Link Project Meeting, VEDC Malang. Vol. 5, No.1| June 2013| ISSN 2229-8932 *Journal of Technical Education and Training (JTET)* |87
- J. U. Nwagwu (2003). "Alleviating Poverty through Vocational Education: The Nigerian Experience". Faculty of Education, Imo State University Owerri: Nigeria
- Kamus Dewan, Edisi Ketiga (2000) Kuala Lumpur: Bahasa dan Pustaka.
- Kanapathy, V. (1997). Labour market issues and skills training: Recent development in Malaysia. *Pacific Economic Cooperation Council Human Resource Development Task Force Meeting*, 30-31 May, Montreal, Canada

- Kerre (1997) dan Wellington (dalam Kraak, 1991) Kerre, B. W. (1997). Technical and vocational education in Africa: Trends, issues and prospects. UNIVOC INFO. <http://www.unevoc.de/info/txt10-e.htm>. [dicapai pada 27/11/2013].
- Khazanah Nasional (2006). Rancangan Pembangunan Komprehensif *Untuk Wilayah Ekonomi Johor Selatan 2006-2025*
- Kraak, A. (1991). Making the hidden curriculum the formal curriculum: Vocational training in South Africa. *Comparative Education Review*, 35(3), 406-429.
- Krejeie, R.V and Morgan, D.W. (1970) *Determining Sample Size For Research, Educational and Psychological measurement*. 30, 607-610.
- Krivet (2008). *Pre-employment Vocational Education and Training in Korea*. mimeo.
- Labarca (1998), Education in Basic Skills and Training for Productive Work, *International Review of Education*, Volume 44, Issue 5-6, pp 413-439
- Lechner Michael. (2000). "An Evaluation of Public-Sector-Sponsored Continuous Vocational Training Programs in East Germany." *Journal of Human Resources*, 35(2): 347-375.
- Lesley Powell (2011) Capability or Employability? Rethinking the Role of VET Within a Capabilities Framework, Pages 26-29 01.09.2011
- Malaysia. (2001a). *Eight Malaysia Plan 2001-2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Malaysia. (2001b). *The Third Outline Prespective Plan 2001-2010*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Malamud, Ofer and Cristian Pop-Eleches. (2008). *General Education vs. Vocational Training: Evidence from an Economy in Transition*. NBER Working Paper 14155. Cambridge, MA: National Bureau of Economic Research.
- Marzuki, S., Ishak, Z., Wing, L.P. (1993). *Pendidikan Di Malaysia*. Terbitan Pertama. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
- Masri, M. W. (1999). The changing demands of the 21st century: Challenges to technical and vocational education. *Second International Congress Technical and Vocational Education*, 26- 30 April. Seoul: Republic of Korea.

- Middleton, J., Ziderman, A., & Adams, A. V. (1993). *Skills for productivity: Vocational Education and Training in Developing countries*. New York: Oxford University Press for the World Bank.
- Middleton, J. and Ziderman, A., 1997. Overview: World Bank policy research on vocational education and training. *International Journal of Manpower*, 18(1/2), pp. 6-28.
- Miles dan Huberman, (1994). A.M. *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook*, 2nd ed., Sage Publications, Newbury Park, CA, 1994.
- Moenjak, Thammarak and Christopher Worswick. 2003. "Vocational education in Thailand: a study of choice and returns." *Economics of Education Review*, 22:99-107. Malaysia
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*.Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. 30-181
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Penyelidikan Pendidikan*.Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. 30-181
- Md Yusof Husain dan Ramlee, M. (2009). Penilaian Kemahiran *Employability* dalam kalangan Pelajar Kejuruteraan Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Paper for presentation at the Seminar Kebangsaan Pembangunan Keusahawanan UKM 2009. Hotel Corus, Kuala Lumpur, 8 Disember 2009.
- Mulder, M.(2001) *Competentieontwikkeling in organisaties* . Den Haag: Elsevier Bedrijfsinformatie
- Mustapha Ramlee and Greenan, J.P. (2002). The Role of Vocational Education in Economic Development in Malaysia: Educators' and Employers' Perspectives. *Journal of Industrial Teacher Education*, Vol. 39, no. 2.
- Neuman, S., Ziderman, A. (1991). Vocational schooling, occupational matching and labor market earnings in Israel. *Journal of Human Resources* 26 (2), 413–425
- Noraini Kaprawi. (2010). Kajian Tinjauan Secara Kuantitatif. In N. Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (pp. 205-206). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Oketch, M. (2007) To vocationalise or not to vocationalise? Perspectives on current trends and issues in technical and vocational education and training (TVET) in Africa. *International Journal of Educational Development*, 27(2), 220-234

- PELAN INDUK (2008). Latihan Dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia 2008-2020. Jabatan Pembangunan Kemahiran
- Ramlee, M. and Greenan, J.P. (2002). The Role of Vocational Education in Economic Development in Malaysia: Educators' and Employers' Perspectives. *Journal of Industrial Teacher Education*, Vol. 39, no. 2.
- RMK9 (2006) Jabatan Perdana Menteri Malaysia. (2006, Mac). *Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006 - 2010*: Ucapan YAB Perdana Menteri di Dewan Rakyat. Dicapai pada Disember 1, 2013, dari Jabatan Perdana Menteri Malaysia: <http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/images/common/pdf/RMK9-ucapan.pdf> [dicapai pada 1/11/2013]
- RMK10 (2010) Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015. Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Putrajaya 2010
- Rozita Ali (2010). Pelajar Politeknik Kurang Diberi Pendedahan Kepada Pembaikan, Penyelenggaraan Dan Perlaksanaan Sesuatu Kerja Semasa Menjalani Latihan Industri : Pulau Pinang: Politeknik Balik Pulau
- Ruth, Klaus; Grollman, Philipp (2009): Monitoring VET Systems of Major EU Competitor Countries, ITB-Forschungsberichte 39/2009. Bremen.
- Schmidt, H. (1999). Challenges to technical and vocational education. *Second international UNESCO congress on technical and vocational education*. Seoul, Republic of Korea, 26-30 April
- Stanley J.B & Dennis, K.D. 2006. Mass Communication Theory: Foundation, Ferment, and Future, Belmont, California: Wadsworth Publishing Company
- Stone, J. (1993). Debunking the Myths. *Vocational Education Journal* 68, no.1 (January 1993): 26-27, 56.
- Sharpe, D.(1993) "Image Control: Teachers and Staff Have the Power to Shape Positive Thinking." *VOCATIONAL EDUCATION JOURNAL* 68, no. 1 (January 1993): 26-27.
- Surah Hud , ayat 61, Al-Quran Al-Karim,
surah al Isra', ayat 84, Al-Quran Al-Karim,
- Tabbron, G. and Yang, Jin, (1997). The interaction between technical and vocational education and training (TVET) and economic development in advanced countries.

- International Journal of Educational Development* 17(3), 323-334. *International Education Journal*, 2006, 7(3), 82-272. ISSN 1443-1475 © 2006 Shannon Research Press. <http://iej.com.au>
- Tan, H. W. & Gill, I. S. (2000). Malaysia. Dalam Indermit S. Gill, Fluitman, F. & Amit Dar (Eds), *Vocational Education and Training Reform*, hlm 218-260. New York: Oxford University Press
- Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia (2012), Majlis Pelancaran Transformasi Pendidikan Vokasional pada 06/01/2012 <https://www.facebook.com/pages/BPTV-KPM-Transformasi-Pendidikan-Vokasional/237038616397121> [dicapai pada 8/12/2013]
- Tilak, J. (2002). *Vocational Education and Training and Asia: The Handbook on Educational Research in the Asia Pacific Region* (eds. John P Keeves and Rye Watanabe, Kluwer Academic Publishers.
- Tilak, J. B. G. (2001). *Building human capital in East Asia: What others Can Learn* (Working Paper No 22717). Retrieved from World Bank: <http://siteresources.worldbank.org/WBI/Resources/wbi37166.pdf>. [dicapai pada 24/10/2013]
- Tilak, J.B.G. (2002b) *Higher Education and Development, Handbook on Educational Research in the Asia Pacific Region* (eds. J.P. Kleeves and Ryo Watanabe) Kluwer Academic Publishers, [forthcoming].
- Thomas, H. (1990). *Education Cost and Performance: Costs-Effectiveness Analysis*. London: Cassel Educational Ltd.
- Thomas, E. (1995). Educating and training youth for the world of work in Malaysia and Singapore. Leslie Bash & Andy Green (ed), *Youth, Education and Work*. London: Kogan Page.
- Trzcinski, Eileen & Randolph, Susan, (1991). "Human Capital Investments and Relative Earnings Mobility: The Role of Education, Training, Migration, and Job Search," *Economic Development and Cultural Change*, University of Chicago Press, vol. 40(1), pages 153-68, October.
- Tsang, M. C. (1999). The costs of vocational training. *Education and Training*, 1(2), <http://giorgo.emeraldinsight.com/v1=63249314/c1=11/nw=1/rpsv/cw/mcb/00400912/v4/In2/s4/p79.html> [dicapai pada 24/10/13]

- Tzannatos, Z. and Johnes, G. (1997). Training and Skills Development in the East Asian Newly Industrialised Countries: a Comparison and Lessons for Developing Countries. In *Journal of Vocational Education and Training*, 49/3, pp.431-453
- UNESCO Institute for Statistics. (2006). *Participation in formal technical and vocational education and training programmes worldwide: An initial statistical study*. Retrieved from UNESCO: <http://unesdoc.unesco.org/images/0014/001496/149652e.pdf> [dicapai pada 20/10/2013]
- Vouri dan Vesalainen, (1999) – Job-seeking, adaptation and re-employment experiences of the unemployment: A three-year follow-up. *Journal of Community and Applied Sosial Psychology*, 9, 383-394
- World Bank (2006). *World Development Report 2007: Development and the Next Generation*. Washington, DC: World Bank.
- Wancott (2000), Benefits of Vocational Education. Myths and Realities No. 8. From the *ERIC Clearinghouse on Adult, Career and Vocational Education*, Columbus, OH.P. 1-8.
- Yahya,(1993) dalam Aede Hatib 1999 Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV) Dalam Pembangunan sumber Manusia Di Malaysia
- Yahya Buntat (2006), Aspirasi Pekerjaan Para Pelatih Institut Kemahiran Mara (IKM) Johor Bahru Terhadap Latihan Yg Diikuti. <http://eprints.utm.my/2270/1/Faizah.pdf> [dicapai pada 7/12/2013]
- Yusof Ismail (1991) Mengurus Secara Islam, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen. http://eprints.utm.my/12265/1/MohamedSharifMustaffa_BimbinganKerjayaMenurutPerspektifIslam2002.pdf [dicapai pada 20/10/2013]
- Yidan Wang, (2012)Education in a Changing World: Flexibility, Skills, and Employability
- Zakaria Abdul Rahman (1985). Sebab-Sebab Ibu Bapa Menghantar Anak-Anak Mereka Ke Sekolah Akedemik atau sekolah Vokasional . *Jurnal Pendidikan*: 80-83. Tidak diterbitkan
- Ziderman, A. (1997). National programmers in technical and vocational education: Economic and education relationships. *Journal of Vocational Education and training*, 49(3), 351-366.